

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI  
[KUDAT]**

**NO. SOALAN : 9**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian bersedia menaik taraf Jalan Pitas "Bongkol" Telaga dalam daerah Pitas untuk diambil alih daripada jalan negeri supaya menaik taraf jalan utama dan penting tersebut dapat dilaksanakan.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan Jalan Bongkol, Pitas telah dilaksanakan pada tahun 2010 dan siap pelaksanaan pada Mac 2011. Jalan sepanjang **2.58km berturap** dengan piawai JKR R2 disiapkan dengan kos sebanyak **RM5.534 juta**.

Namun begitu, sekiranya terdapat keperluan bagi menaik taraf jalan tersebut, dimohon Yang Berhormat untuk mengemukakan keperluan tersebut kepada Kerajaan Negeri sebagai senarai keutamaan dan pihak Kementerian akan meminta Jabatan Kerja Raya (JKR) membuat semakan kos sebelum diangkat kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ]  
DARIPADA**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [ Kudat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina bangunan asrama pelajar untuk SMK Pinggan-Pinggan, Pitas memandangkan bangunan asrama sedia ada masih menumpang di kawasan SK Pinggan-Pinggan, Pitas bagi menempatkan pelajar sekolah yang tinggal jauh di luar bandar.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memahami masalah yang dihadapi oleh murid-murid seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan menyambut baik cadangan yang dikemukakan serta mengambil perhatian sewajarnya. Walau bagaimanapun pelaksanaan cadangan tersebut tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan semasa negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK DR. EWON EBIN  
[ RANAU ]**

**SOALAN :**

**YB Datuk Dr. Ewon Ebin [ Ranau ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) jumlah peruntukan dana yang disediakan bagi tujuan pengukuran tanah adat (NCR) di negeri Sabah; dan
- (b) bilakah kerja- kerja ini akan dimulakan.

SULIT

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan kerja-kerja pengukuran tanah hak adat (NCR) di Sabah dilaksanakan oleh Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Sabah. Usaha-usaha pengukuran perimeter tanah NCR ini dilaksanakan secara berterusan dengan komitmen untuk memberi hak milik tanah kepada individu yang layak. Kerajaan Persekutuan mula memberi peruntukan bagi pelaksanaan pengukuran tanah NCR Sabah, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) di mana sebanyak RM65.7juta telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut. Sejumlah 39,155.30 hektar tanah telah selesai diukur dan seramai 14,620 orang telah diberi hak milik.

Di bawah RMKe-11 pula, sebanyak RM65 juta telah diperuntukkan bagi meneruskan kerja-kerja pengukuran NCR Sabah. Bagi tahun 2016, Kerajaan Negeri telah mensasarkan sebanyak 9,111 hektar tanah untuk diukur.

Sekian. Terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Datuk Dr. Ewon Ebin [ Ranau ]**

**SOALAN : Datuk Dr. Ewon Ebin minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan**

- (a) jumlah subsidi yang disediakan oleh pihak Kementerian bagi penanaman padi huma/bukit di negeri Sabah; dan
- (b) siapakah kumpulan sasaran dan bagaimanakah subsidi ini disalurkan serta jumlah per hektar.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Subsidi yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi Skim Baja Racun Padi Bukit (SBRPB) pada tahun 2016 adalah berjumlah RM67,513,900.00. Perincian adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Input Pertanian	Keperluan	Kos (RM)		Jumlah (RM)
			Sarawak	Sabah	
<b>BAJA</b>					
i.	Baja Sebatian	200kg/ha	29,808,000.00	5,464,800.00	35,272,800.00
ii.	Urea	15 liter/ha	13,470,000.00	2,469,500.00	15,939,500.00
<b>RACUN</b>					
iii.	Glufosinate Ammonium (GA) 5.5%	10 liter/ha	13,776,000.00	2,525,600.00	16,301,600.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>					<b>67,513,900.00</b>

(b) **Kumpulan Sasar Penerima SBRPB**

Kumpulan sasar penerima bagi skim Subsidi Baja Racun Padi Bukit (SBRPB) ini adalah petani yang mengusahakan padi bukit/huma di Sabah dan Sarawak yang berdaftar di bawah DOA Sarawak dan LPP di Sabah.

**Kaedah Subsidi Disalurkan**

Subsidi ini disalurkan melalui kontraktor yang dilantik oleh pihak Kerajaan. Pada tahun ini, pihak Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah dilantik bagi tujuan penyaluran subsidi kepada kumpulan sasar. Penyaluran subsidi oleh pihak NAFAS dibuat melalui kaedah seperti berikut:

- i. Pihak NAFAS Ibu Pejabat akan menerima setiap pesanan daripada PPK yang terlibat dengan baja padi.
- ii. Setiap pesanan akan direkodkan ke dalam sistem NAFAS bagi tujuan merekod dan memberi maklumat kepada pihak gudang untuk

mengeluarkan baja serta bagi tujuan membuat inbois kepada kerajaan.

- iii. Setelah direkodkan ke dalam sistem, Nota Pengambilan akan dicetak dan diserahkan kepada gudang untuk mengambil baja yang dipesan.
- iv. Pihak gudang akan mengeluarkan Nota Hantaran bagi penghantaran pesanan ke PPK.
- v. PPK akan melaksanakan penghantaran input pertanian melalui tiga (3) kaedah iaitu penghantaran menggunakan lori, vessel dan input tanah tinggi (menggunakan lori pikap) ke kawasan-kawasan yang layak menerima bantuan subsidi.

### **Jumlah Perhektar Subsidi Disalurkan**

Jumlah **perhektar** subsidi ini disalurkan mengikut keperluan adalah melibatkan 200kg/ha bagi baja kompaun, 15 liter/ha bagi urea dan racun (Glufosinate Ammonium) adalah 10 liter/ha melibatkan anggaran kawasan 12,889.55ha di Sabah dan 52,044ha di Sarawak. Maklumat lanjut adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Input Pertanian	Keperluan	Jumlah Keperluan		Jumlah
			Sabah (12,889.55 ha)	Sarawak (52,044 ha)	
<b>Baja</b>					
1.	Kompaun	200 kg/ha	2,577,910 kg	10,408,800kg	12,986,710kg
2.	Urea	15 liter/ha	193,343.25l	780,660l	974,003.25 l
Bil	Jenis Input Pertanian	Keperluan	Jumlah Keperluan		Jumlah
<b>Racun</b>					
3.	Glufosinate Ammonium	10 liter/ha	12,8895.5l	520,440l	649,335.5 l



**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

---

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**  
**DARIPADA** : **YB DATUK DR. EWON EBIN**  
**[RANAU]**  
**SOALAN** : **13**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah dana yang diperuntukkan bagi program MOSTI Social Innovation Fund (MSI) pada tahun 2016; dan
- (b) jumlah misi yang telah diperuntukkan untuk negeri Sabah serta apakah kriteria untuk memohon dana yang dimaksudkan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah memperuntukkan sejumlah RM25 juta pada tahun 2016 bagi Program MOSTI *Social Innovation* (MSI) di bawah Rancangan Malaysia Ke-11.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak memperuntukkan jumlah khusus untuk dana MSI bagi setiap negeri dan ia adalah terbuka untuk dilaksanakan di seluruh negara. Sehingga 30 April 2016, Kementerian telah meluluskan RM7,906,000 untuk melaksanakan 19 projek di bawah Program MSI di negeri Sabah.

Syarat-syarat kelayakan permohonan Program MSI adalah seperti berikut:

- (i) Pemohon (peneraju projek) hendaklah terdiri daripada Jabatan/Agensi MOSTI;
- (ii) Pemohon hendaklah berkolaborasi dengan sekurang-kurangnya satu (1) kolaborator seperti berikut:
  - (a) Agensi kerajaan yang terdiri daripada Kementerian, Kerajaan Negeri, Jabatan Kerajaan (Persekutuan dan Negeri), Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan;
  - (b) Pertubuhan yang berdaftar atau diiktiraf oleh Kerajaan;
  - (c) Syarikat yang berkepentingan Kerajaan; atau
  - (d) Kumpulan Komuniti;
- (iii) Kolaborator dibenarkan untuk bekerjasama dengan individu/syarikat;
- (iv) Projek yang dicadangkan perlu mempunyai elemen inovatif yang menjurus kepada pembangunan produk, proses atau perkhidmatan;
- (iii) Projek yang ingin dijalankan perlu sesuai dengan sumber sedia ada selain mengambil kira kesesuaian lokasi, infrastruktur, bentuk muka bumi dan lain-lain; dan
- (iv) Projek mesti dilaksanakan di Malaysia.

Manakala kriteria yang dipertimbangkan bagi projek di bawah Program MSI ialah:

- (i) Faedah projek yang dapat dinikmati oleh orang ramai atau komuniti setempat;
- (ii) Projek yang bersifat "*demand-driven*";
- (iii) Menggunakan teknologi sedia ada;

- (iv) Mempunyai elemen inovasi atau berkaitan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM);
- (v) Kos pelaksanaan projek yang munasabah;
- (vi) Mampu lestari (*sustainable*); dan/atau
- (vii) Menyelesaikan masalah dan memenuhi keperluan sosial seterusnya menyumbang kepada peningkatan tahap kesejahteraan dan kualiti kehidupan masyarakat ke arah yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK DR. EWON EBIN [ RANAU ]  
DARIPADA**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Dr. Ewon Ebin [ Ranau ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-**

- (a) bilakah pembinaan Sekolah Menengah Kundasang akan dilaksanakan; dan
- (b) apakah kekangan yang menyebabkan pembinaan semula sekolah ini mengambil masa yang terlalu lama.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pembinaan SMK Kundasang tidak boleh dijalankan tanpa kelulusan Majlis Daerah Ranau (MDR). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat permohonan kelulusan pelan pembangunan sejak 2013. Pindahan permohonan telah dibuat semula pada 8 Ogos 2015 dan masih menunggu kelulusan dari pihak MDR.